

# Keredaan anak HIV positif

Oleh Fatin Hafizah Mohd Shahr  
fatin@bh.com.my

» *Cekal teruskan hidup, mahu masyarakat buang stigma negatif*

“**S**ejak bayi, saya bergantung dengan ubat yang perlu diambil setiap hari akibat jangkitan HIV positif dibawa oleh kedua-dua ibu bapa saya.

“Lebih menyedihkan hati, saya langsung tidak tahu siapakah diri ini yang sebenarnya, apatah lagi mengenali ibu bapa dan keluarga kerana dihantar ke Rumah Solehah sejak bayi,” kata remaja yang hanya mahu dikenali sebagai Alia dari Rumah Solehah, di Kampung Pandan, Kuala Lumpur.

Kini Alia berusia 16 tahun dan terpaksa cekal berdepan dengan penyakit yang mampu meragut nyawa. Tidak hanya itu, selagi virus itu sebat dalam diri, dia menanggung bebanan dirasai seorang diri.

Alia yang berwajah manis ini meniti perjalanan hidup sepinya tanpa perhatian kasih ibu ayah atau keluarga, sebaliknya hanya menumpang kasih penjaga di Rumah Solehah dan tetamu yang datang berkunjung.

Katanya, akibat perbuatan ibu bapa, dia kini terpaksa berdepan dengan stigma negatif masyarakat terhadap individu HIV positif.

### Rela ajal

Sukar memahami perasaan sendiri, akuinya kemarahan hati membuatkan dia memilih untuk berlawan dengan rutin terpaksa dilalui sejak kecil.

Biarpun tahu

dengan kebarangkalian maut, gadis ini bagaikan lebih rela menerima ajal kerana terlalu kecewa dengan hidup.

“Saya mula rasa tidak berdaya dan bosan dengan keadaan diri. Sudahlah hidup sebatang kara, berpenyakit pula.

“Hidup terbatas kerana penyakit ini, setiap hari saya terpaksa menelan pil yang langsung tidak enak rasanya.

“Pelbagai sesi rawatan sudah dicuba, tapi kehidupan saya tidak juga berubah dan penyakit ini tidak pernah pergi daripada saya. Jadi, saya abaikan semua itu,” katanya ketika ditemui selepas majlis berbuka puasa anjuran Alumni Sekolah Menengah Alam Shah 8993 dan Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Rumah Solehah, Jalan Thaver, Kampung Pandan.

• Muka 7